

23 APR 2002

NITC-Jurang (Bergambar)

NITC WUJUD KERANGKA KURANGKAN JURANG DIGITAL

PUTRAJAYA, 23 April (Bernama) -- Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri akan menggubal satu kerangka bagi mengurangkan jurang digital di kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Anggota NITC Profesor Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin berkata ia adalah antara beberapa perkara penting yang diputuskan dalam mesyuarat NITC yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

Menurutnya beberapa golongan dikenal pasti sebagai memerlukan perhatian dalam usaha mengurangkan jurang digital itu iaitu masyarakat desa, penduduk di Sabah dan Sarawak, golongan miskin di kota, wanita, belia, warga emas (warga tua) dan golongan kurang upaya.

"NITC dan EPU akan menjadi perintis dalam membina satu kerangka supaya semua boleh beroperasi dalam kerangka ini," katanya dalam taklimat kepada media selepas mesyuarat lebih sejam itu.

Dr Sharifah berkata pada mesyuarat hari ini, anggota-anggota NITC berpendapat masyarakat berpotensi untuk terbahagi kepada dua iaitu mereka yang berpeluang mengakses kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Internet, dan yang kurang mendapat akses itu berikutan kurangnya peluang mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

"Jika dibiarkan perkara ini (jurang digital), mungkin masyarakat akan terpinggir dan kita kurang daya saing ekonomi. Jadi amat penting ambil inisiatif ini," katanya.

Dr Sharifah berkata sebelum ini memang ada inisiatif dijalankan bagi mengurangkan jurang digital tetapi tidak ada mekanisme untuk menyelaraskan semua inisiatif itu.

"Jadi EPU akan memastikan supaya teratur (usaha-usaha kurangkan jurang digital) dan tiada pertindihan," katanya.

Selain itu, katanya penekanan juga akan diberikan bagi memastikan maklumat yang didapati daripada kemajuan ICT digunakan oleh masyarakat secara berfaedah bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan di samping menyumbang kepada pembangunan negara.

Dr Sharifah berkata untuk mencapai matlamat itu, NITC yang dianggotai 25 profesional, memutuskan supaya sebuah jawatankuasa pemandu ditubuhkan bagi meneliti isu itu.

Dr Sharifah Hapsah berkata Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga perlu dilibatkan dalam kemajuan ICT bagi membawanya memasuki rangkaian bekalan dunia dalam bidang elektronik dan elektrik.

Beliau berkata dua projek perintis akan dijalankan di Pulau Pinang bagi membina pelbagai aplikasi untuk kegunaan IKS dalam ICT.

Dr Sharifah Hapsah berkata pada mesyuarat hari ini, Dr Mahathir menegaskan bahawa tanggungjawab mengurangkan jurang digital terletak pada semua lapisan masyarakat.

Katanya Perdana Menteri menekankan bahawa tanpa ICT, negara akan ketinggalan dan tidak mampu berdaya saing.

Menurutnya Dr Mahathir berpendapat bahawa Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin dalam bidang itu dan ia boleh dilakukan secara bersama oleh semua pihak.

-- BERNAMA

RV RV NAK